

AZAM TANI: TAHAP KEMAHIRAN DAN DAYA SAING RESPONDEN MELAYU MISKIN DI SEBERANG PERAI, PULAU PINANG

(Azam Tani: Level of Skills and Competitiveness of Malay Community in Poverty at Seberang Perai, Penang.)

**Mohd Hudzairi Mansor Mohd Nadzir*,
Mohd Yusof Hussain and Zaimah Ramli**

Pusat Penyelidikan
Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan (SEEDS),
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

E-mel: hudzairi@gmail.com

Article History: Received 24 June 2019; Revised 24 December 2019;
Accepted 24 December 2019

ABSTRAK

Pembasmian kemiskinan telah menjadi salah satu agenda kerajaan semenjak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Hal ini kerana kemiskinan dilihat boleh memberi impak negatif kepada negara. Majoriti miskin di kalangan orang Melayu dan beragama Islam. Namun begitu Islam tidak memandang kemiskinan sebagai perkara yang hina. Ia masih boleh diubati. Salah satu pendekatan adalah melalui pembangunan komuniti seperti Program AZAM Tani yang telah pada dilaksanakan pada tahun 2010. Malah pelaksanaan AZAM Tani dilihat sebagai satu impak positif kepada komuniti miskin terutamanya dari etnik Melayu. Salah satu penumpuan program ini adalah meningkat pengetahuan, kemahiran dan daya saing pesertanya. Maka itu, permasalahannya adalah apakah tahap kemahiran dan daya saing komuniti Melayu miskin setelah menyertai program AZAM Tani ini. Kaedah kuantitatif dan bancian digunakan dalam kajian ini. Seramai 54 responden berjaya dikutip dari lapangan dan mereka adalah peserta program AZAM Tani pada tahun 2011. Mereka ini tinggal di Seberang Perai. Hasil analisis menunjukkan tahap kemahiran dan daya saing responden adalah sederhana tinggi. Namun begitu, kemahiran dan daya saing diperoleh secara tidak langsung dari pelaksanaan program ini melalui pengetahuan. Walau bagaimanapun, perlaksanaan program AZAM Tani membantu kepada perubahan tahap pendapatan responden dan membantu majoriti responden melaksanakan pekerjaan tambahan.

KATA KUNCI: AZAM Tani, Pembangunan Komuniti, Kemahiran dan Daya Saing

ABSTRACT

The eradication of poverty has become one of the government's agendas since the implementation of the New Economic Policy. This is because poverty is seen to have a negative impact on the country. The majority of the poor are Malays and Muslims. However, Islam does not regard poverty as a matter of despair. It can still be cured. One approach is through community development such as the AZAM Tani Program that was implemented in 2010. In fact, the implementation of AZAM Tani is seen as a positive impact on the poor community, especially from the ethnic Malays. One of the focus of this program is increasing the knowledge, skills and competitiveness of its participants. Hence, the problem is whether the level of skills and competitiveness of the poor Malay community after participating in the AZAM Tani program. Quantitative methods and census were used in this study. A total of 54 respondents were successfully quoted from the field, and they were participants of AZAM Tani program on year 2011. Their are living in Seberang Perai. The results of the analysis show that the level of skill and competitiveness of the respondents is moderately high. Nevertheless, skills and competitiveness are acquired indirectly from the implementation of this program through knowledge. However, the implementation of the AZAM Tani program helped to change the level of respondents' income and assist the majority of respondents to carry out additional work.

KEYWORDS: AZAM Tani, Community Development, Skills and Competitiveness

1.0 PENGENALAN

Sebagai sebuah negara yang berdaulat dan berpegang kepada perlembagaan, Malaysia perlu meneruskan pembangunan ke tahap yang lebih tinggi untuk manfaat rakyat yang berbilang agama dan etnik. Menurut Mashitah (2013), impak Islamisasi yang berterusan ke atas masyarakat Melayu telah membawa kepada transformasi sosial dan budaya berlandaskan kepada pembentukan identiti 'Melayu yang Islam'. Maka dengan itu penulis melihat sinonim istilah Melayu di Malaysia terus tertakluk kepada orang Melayu beragama Islam. Oleh itu dapat dilihat majoriti penduduk di Malaysia juga adalah Melayu. Namun begitu pembangunan segala aspek penduduk Malaysia memang telah menjadi perhatian kerajaan tanpa mengira etnik atau agama.

Salah satu keadaan penduduk yang menjadi perhatian kerajaan adalah dari segi kesejahteraan hidup mereka. Kesejahteraan ini terancam dengan salah satu isu yang tidak putus menjadi perdebatan di parliment. Isu tersebut adalah kemiskinan. Bukan itu sahaja, isu kemiskinan dikatakan antara isu popular dan sering diperkatakan. Malah ia sering menjadi fokus perbincangan ahli akademik, pembuat dasar, ahli politik dan golongan masyarakat (Mansur Jusoh, 1986; dlm. Radieah, 2013). Maka dengan itu memerangi melalui

pelaksanaan langkah atau program pembasmian adalah amat perlu bagi sesebuah kerajaan. Keadaan inilah perlu diatasi (Mansor 1986; dlm. Radieah 2013), diperangi (Hairi 1984; dlm. Radieah 2013), dibasmi (Chamhuri 2003; dlm. Radieah 2013) dan perlu langkah yang positif untuk membantu mengurangkan kadar kemiskinan di sesebuah negara yang dalam proses menuju kepada negara maju.

Pembasmian kemiskinan telah menjadi salah satu agenda kerajaan semenjak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Hal ini kerana kemiskinan dilihat boleh memberi impak negatif kepada negara. Malah mengurangkan kemiskinan bukanlah mudah kerana ia memakan masa dan melibatkan kos tang tinggi (Rabiul 2017). Selain itu kemiskinan juga boleh menyebabkan pengabaian sifat kekeluargaan dalam sesuatu isirumah yang seterusnya menjurus kepada masalah sosial dan impak negatif kepada anak mereka yang bakal menjadi generasi tenaga kerja akan datang (McLloyd, 1990; Robila & Krishnakumar, 2006; dlm. Zarina Arshat & Rozumah Baharudin. 2011). Oleh itu, pihak kerajaan telah melancarkan pelbagai program untuk membangungkan pelbagai sektor bagi meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti supaya dapat meningkatkan pendapatan, mengurangkan kemiskinan dan menghapuskan kadar kemiskinan tegar (Ibrahim et al., 2016).

Jika dilihat kemiskinan ini sinonim dengan orang Melayu yang beragama Islam di Malaysia (Ahmad et al., 2012). Ini kerana kumpulan ini bukan kumpulan minoriti. Ini dapat dilihat di Malaysia orang yang beragama Islam pada tahun 2010 adalah 17,375,794 orang. Mereka terdiri daripada 14,191,720 orang Melayu, 1,347,208 orang bumiputera lain, 42,048 orang Cina, orang India 78,702, orang 102,334 lain-lain bangsa dan 1,613,782 orang bukan warganegara (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017).

Menurut Za'ba atau Zainal Abidin Ahmad (dlm. Nurizan Yahaya, 1998), orang Melayu sangat miskin semenjak zaman pemerintahan penjajah berbangsa Inggeris lagi. Selepas campurtangan kerajaan era 70an menurut Roslan (t.th), isu kemiskinan dikalangan orang melayu sudah berkurangan. Namun begitu orang melayu masih lagi yang majoriti yang terlibat dalam kemiskinan. Malah Jomo (1991) menyatakan paling utama orang miskin di kalangan nelayan adalah Melayu dan kedua adalah Cina. Malah dalam kajian Nor Fairani dan rakannya (2016) yang mengkaji berkaitan kemudahterancaman (vulnerable) isirumah dengan kemiskinan melibat majoriti responden berbangsa Melayu. Maka ini menunjukkan bahawa majoriti berbangsa melayu mudah miskin.

Menurut Ungku (1964) dua sebab utama kemiskinan di kalangan orang melayu adalah daya pengeluaran yang rendah dan eksplorasi. Malah terdapat kumpulan ini yang dari komuniti nelayan juga miskin kerana kurang modal dan tidak mempunyai peralatan (Ishak 1990). Salah satu sebab kemiskinan kerana mereka kurang kemahiran (Nurizan Yahaya, 1998) dan daya saing. Namun begitu, pembangunan komuniti dilihat dapat membantu individu isi rumah keluar dari kemiskinan. Hal ini kerana salah satu membangunkan komuniti dengan pembinaan kemahiran (Robson dan Spence 2011). Abatena (1995) menyatakan bahawa terdapat pelbagai aktiviti kemahiran dalam melaksanakan pekerjaan. Ia juga dapat diperoleh dari aktiviti bantuan. Malah kemahiran adalah salah satu sumber yang diperlukan oleh setiap ahli komuniti. Ia adalah untuk memperbaiki komuniti (Akpomuvie & Benedict 2010). Kepentingan pemilikan kemahiran bagi individu dalam membangun komuniti untuk membasmi kemiskinan dapat dilihat dari perlaksanaan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) lagi (Chamhuri Siwar 2009; Katty et al., 2011).

Bukan itu sahaja daya saing juga perlu dalam seseorang yang ingin keluar dari kemiskinan. Hal ini dapat lihat di mana daya saing dan kemahiran adalah sebagai dari komponen modal insan (Mohd Fauzi & Mohd Khairul 2012). Selain itu, Xavier (2010) memberi contoh seseorang sedang berusaha memperbaiki prestasi kerjanya dan boleh dikatakan dia cuba bersaing dengan dirinya sendiri. Beliau turut menyatakan bahawa kelebihan daya saing dapat dilihat dan ia juga sebagai misi individu. Pemilikan komponen dari modal insan akan menyumbang kepada pembangunan komuniti. Malah modal insan ini juga dilihat dapat mengurangkan kemiskinan secara langsung (Adekoya 2018) dan tidak langsung (Wijaya et al., 2011). Maka itu, penulis melihat sekiranya daya saing dibangunkan dalam diri individu miskin ia menyumbang kepada potensi individu tersebut keluar dari kemiskinan. Maka itu kepentingan perlaksanaan sesebuah program komuniti mengambil kira dua komponen ini adalah perlu.

Salah satu program pembangunan komuniti yang telah pada dilaksanakan pada tahun 2010 adalah Program AZAM Tani. Program ini di bawah projek 1 AZAM. Salah satu objektif program ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan daya saing golongan berpendapatan rendah. Malah pelaksanaan AZAM Tani dilihat sebagai satu impak positif kepada komuniti miskin terutamanya dari etnik Melayu. Maka itu, permasalahan

kajian yang timbul adalah apakah tahap kemahiran dan daya saing komuniti Melayu miskin setelah menyertai program AZAM Tani ini. Oleh itu dalam makalah ini, penulis ingin menunjukkan pelaksanaan program AZAM Tani ini membantu responden memperoleh tahap kemahiran dan daya saing komuniti Melayu miskin di Seberang Perai.

2.0 PEMBASMIAN KEMISKINAN DAN PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI

Aspek yang penting bagi semua pihak adalah bagaimana cara untuk mencegah, memerangi atau membasmikan kemiskinan itu sendiri. Oleh itu berbagai program pembasmian kemiskinan telah dilaksanakan oleh agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Malah terdapat pendapat untuk membasmikan kemiskinan. Secara umumnya, kemiskinan dilihat pada tiga di klasifikasi pandangan. Kebanyakan pendapat ini diberikan dari barat. Pandangan pertama adalah kemiskinan mutlak, di mana seseorang mempunyai kekurangan daripada objektif kehidupannya seperti pendapatan dan merupakan situasi yang serius. Kemiskinan mutlak juga adalah penetapan satu standard yang tidak dipengaruhi dengan waktu, tempat dan negara. Sebagai contoh garis pendapatan kemiskinan (Henry & Amir 2011; Kumaran, 2013; Norzita & Siti 2014; dlm. Normaliza & Kamarulazizi 2017). Ini kerana pendapatan amat diperlukan oleh seseorang itu untuk membeli keperluan harian seperti makanan, pakaian dan menyewa atau membeli tempat tinggal. Oleh itu pendapatan diperlukan bagi mempertahankan tingkat kehidupan yang paling minimum dalam masyarakat berpendapatan rendah dan tidak diisyiharkan miskin.

Pandangan kedua adalah kemiskinan relatif (Henry and Amir, 2011; Kumaran, 2013; Norzita dan Siti, 2014; dlm. Normaliza dan Kamarulazizi, 2017). Kemiskinan ini tidak mempunyai hubungan dengan garis kemiskinan. Di mana seseorang mempunyai kekurangan daripada aspek yang lain dalam masyarakat yang sama. Pandangan yang terakhir adalah kemiskinan subjektif, yang merupakan kes di mana seseorang merasakan ingin kerana rasa tidak cukup untuk bergaul (Henry and Amir, 2011; Kumaran, 2013; dlm. Normaliza dan Kamarulazizi, 2017).

Bukan itu sahaja, jika dilihat dari aspek agama Islam orang yang miskin perlu dibantu. Ini dapat dilihat di dalam surah ke 107 iaitu Al-Ma'un. Di mana di dalam surah tersebut, Allah SWT menyatakan sifat orang yang mendustakan

agama. Ayat ketiga menyatakan bahawa salah satu sifat tersebut adalah orang yang tidak memberi orang miskin makan. Ayat akhir surah sebut pula menyatakan satu sifat lagi orang yang mendusta agama iaitu orang yang enggan memberi bantuan. Jika dilihat di sini, orang Islam perlu membantu orang yang dalam kesusahan seperti orang miskin.

Melihat pula kepada pandangan pengkaji Islam terhadap konsep kemiskinan terdapat pelbagai pendapat. Nasser Taib (1993) menyatakan bahawa orang miskin atau fakir merupakan orang yang tidak mempunyai harta benda dan wang ringgit. Menurut beliau lagi, orang fakir dan miskin berbeza. Ini dapat dilihat dengan jelas terjemahan dalam surah ke 9 iaitu At Taubah (pengampunan) ayat ke 60. Nasser Taib (1993) menyatakan bahawa tindakan utama membasmikan kemiskinan adalah berusaha keras iaitu bersungguh-sungguh untuk menyara hidup oleh individu yang terlibat dalam kemiskinan. Tambah beliau lagi, kemahuan kerja ini mestilah disertai dengan peluang-peluang kerja dan ganjaran yang setimpal. Kerja yang bakal dilaksanakan mestilah bersesuaian dengan kemahiran dan kelayakan individu tersebut. Namun begitu menurut Muhammad (1997; dlm. Radieah, 2013) kemiskinan terdapat dua kumpulan iaitu fakir dan miskin. Kedua-dua kumpulan dhuafa (daif) mempunyai perbezaan tetapi mempunyai statusnya hampir sama. Kedua-dua kumpulan ini tidak mampu menguruskan kehidupan harian mereka kerana ekonomi mereka lemah. Walau bagaimanapun Islam tidak memandang kemiskinan sebagai perkara yang hina. Malah hal kemiskinan ini masih boleh diubati.

Sekiranya kita melihat konsep kemiskinan dari aspek pengkaji bukan Islam seperti Townsend (1979) memberikan definisi kemiskinan sebagai kekurangan sumber yang diperlukan untuk membolehkan seseorang menjalankan kehidupan. Berbeza dengan Laderchi dan rakan-rakannya (2003) yang menyatakan adalah tidak salah sekiranya ramai pihak tidak bersetuju dengan konsep kemiskinan yang sedia ada. Menurut mereka lagi, perbezaan konsep kemiskinan berpunca daripada wujudnya multidimensi yang lahir daripada multidisiplin yang pelbagai. Hal ini bermakna kemiskinan mempunyai pelbagai pengertian mengikut keadaan dan sesuatu faham.

Bagi pengukuran kemiskinan di Malaysia pada masa kini lebih menggunakan pendekatan satu dimensi iaitu sama ada mengikut dimensi pendapatan ataupun perbelanjaan (Siti1 et al., 2012). Ini dapat dilihat tetapan Pendapatan

Garis Kemiskinan (PGK) oleh pihak Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri atau dikenali nama singkat EPU di dalam Jadual 1. Malah jika mengikut pendapatan garis kemiskinan (PGK) yang ditetapkan oleh EPU (2017) adalah seluruh Semenanjung Malaysia bagi tahun 2014 adalah RM930. Bagi bandar PGK adalah RM940 dan luar bandar adalah RM870. Manakala di bawah Dasar Pembasmian Kemiskinan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang (2017) menunjukkan PGK bagi negeri ini bagi tahun 2013 adalah RM 770.

Jadual 1: Pendapatan Garis Kemiskinan Bagi Malaysia

Wilayah	PGK 2007			PGK 2009			PGK 2012		
	Miskin (RM)	Miskin Tegar (RM)	Saiz Isi Rumah (orang)	Miskin (RM)	Miskin Tegar (RM)	Saiz Isi Rumah (orang)	Miskin (RM)	Miskin Tegar (RM)	Saiz Isi Rumah (orang)
Semenanjung Malaysia	720	430	4.2	760	460	4.1	830	520	4.1
Sabah & Wilayah Persekutuan	960	540	5.1	1050	630	4.9	1090	660	4.8
Labuan	830	520	4.6	950	590	4.5	920	600	4.2
Sarawak	750	440	4.3	800	490	4.2	860	540	4.1
Malaysia									

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (dlm Jabatan Perumahan Negara Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan 2014)

Abdul dan rakannya (2011; dlm Arif dan Honggen, 2013) menyatakan bahawa Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) mampu mewujudkan peluang pekerjaan langsung dan tahap pendapatan meningkat dan mengurangkan tahap kemiskinan di kawasan luar bandar melalui penglibatan pengusaha dalam program Homestay. Manakala Nor dan Chamhuri (2015) mendapati bahawa kepelbagaiannya pendapatan melalui aktiviti bukan ladang dapat mengurangkan kemiskinan. Malah ia dapat membantu golongan miskin dan miskin tegar meningkatkan pendapatan. Mereka juga berpendapat promosi dan insentif mestilah diberikan kepada mereka yang terlibat dalam aktiviti bukan ladang, khususnya kepada orang miskin tegar untuk mengambil bahagian dalam aktiviti industri berdasarkan pertanian. Bukan itu sahaja pemberian latihan, servis lanjutan dan pemantauan untuk membangunkan tahap keyakinan, harga diri dan keupayaan orang miskin ini juga adalah perlu.

De Janvry (1981; dlm. Siti² et al., 2012) menyatakan bahawa upah daripada membuat kerja sambilan di luar bandar membantu kepada ketidakcukupan pengeluaran pertanian dalam memastikan keperluan penggunaan isi rumah terus dinikmati ini mampu bantu mengurangkan kemiskinan. Siti² et al., (2012) juga menggalakkan penglibatan petani dalam aktiviti bukan pertanian,

antaranya yang pertama, meningkatkan penyediaan peluang pekerjaan di kawasan yang berhampiran dengan kawasan tempat tinggal petani. Selain itu menjalankan kerja industri yang berasaskan pertanian mampu menambah pendapatan. Ia bukan sahaja mengurangkan kemiskinan ia dapat mengubah pandangan masyarakat terhadap sektor pertanian yang dianggap tidak berjaya oleh sesetengah pihak. Jika dilihat pembiayaan kredit mikro mampu membantu pembasmian kemiskinan (Syuhada et al., 2013; Abdullah et al., 2012). Mohammad et al., (2009) menyatakan program pembasmian kemiskinan kerajaan sukar mencapai matlamat yang digariskan adalah kerana pakej program yang tidak lengkap dan sempurna. Pendekatan menyeluruh dengan pemantauan yang lebih rapi akan mampu memastikan matlamat membasmi kemiskinan tercapai.

Salah satu cara atau pendekatan membasmi kemiskinan yang digunakan adalah melalui pembangunan komuniti. Bradshaw (2005) menyatakan bahawa program pembangunan komuniti juga bertindak sebagai program pembasmian kemiskinan. Hal ini kerana ia juga yang bertujuan untuk menangani punca kemiskinan dan mengurangkan kemiskinan. Sharina (2010) pula yang menyatakan bahawa salah satu strategi utama pembangunan komuniti adalah melalui aspek sosioekonomi yang mana mampu meningkatkan taraf hidup sesebuah komuniti. Begitu juga dengan Mohammad Shatar (2003) berpendapat bahawa pembangunan komuniti mampu membantu meningkatkan kualiti sosial dan ekonomi sesebuah komuniti. Menurut Dani (2004) sesuatu pembangunan komuniti akan berjaya dengan program-program terancang dengan baik.

Namun begitu program pembangunan komuniti kerajaan yang dibuat kepada golongan miskin kebanyakan bertumpu pada sektor pertanian kerana majoriti golongan ini berada dalam sektor ini (Abu dan Ahmad 2006). Maka dapat dilihat bahawa pembangunan komuniti dapat dijelaskan sebagai proses yang melibatkan masyarakat, yang diarahkan oleh kerajaan atau korporat dengan kaedah penyesuaian yang bertujuan untuk meningkatkan unsur-unsur asasi dalam masyarakat (R. Dimas & Bambang 2015). Hawe dan rakan-rakannya (1998) menyatakan bahawa sesuatu komuniti itu dapat dibangunkan dengan membangunkan pengetahuan, kemahiran, sumber-sumber yang ada dan kemampuan menyelesaikan masalah. Hal ini dapat membantu komuniti mensejahterakan diri sendiri dan komuniti tersebut. Maka itu daya saing juga tergolong dalam sumber yang perlu ada pada ahli komuniti.

3.0 LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

Kawasan kajian yang dipilih adalah Seberang Perai. Pemilihan kawasan ini kerana ia merupakan kawasan di satu negeri melibatkan dua agensi berlainan dalam program yang sama. Agensi kerajaan tersebut adalah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Tekun Nasional. Seterusnya adalah pengenalan Seberang Perai. Ia merupakan kawasan yang terletak di Negeri Pulau Pinang Pulau Mutiara. Pulau Pinang terbahagi kepada dua kawasan besar iaitu tanah besar dalam tanah semenanjung Malaysia dan sebuah pulau. Di kawasan Pulau terbahagi dua daerah iaitu Daerah Barat Daya dan Daerah Timur Laut. Manakala di kawasan tanah besar iaitu Seberang Perai terbahagi kepada tiga daerah iaitu Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan. Manakala dari segi kawasan Dewan Undangan Negeri terbahagi kepada 13 kawasan di tanah besar. Kawasan ini juga mempunyai beberapa parlimen.

Pusat pentadbiran Negeri Pulau Pinang terletak di Bangunan Kompleks Tun Abdul Razak atau singkatannya KOMTAR. Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang tidak beraja tetapi ia mempunyai Gabenor yang mewakili Yang Di Pertua Agong bagi melambangkan pemerintah di negeri tersebut. Pulau Pinang juga merupakan sebuah negeri yang terkenal dengan pelancongan, hab makanan dan perindustrian. Kawasan luar bandar dan tanah pertanian banyak terdapat di Seberang Perai.

Seberang Perai Utara merupakan adalah daerah terbesar sekali antara semua daerah di Pulau Pinang. Kawasan SPU mempunyai keluasan 26588.04 hektar (262.53 km persegi). Daerah ini juga merupakan daerah separa bandar yang masih berteraskan kawasan luar bandar (Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara 2013). Daerah SPU juga merupakan tempat asalnya mantan Perdana Menteri Malaysia ke 5 Tun Abdullah Ahmad Badawi Abdullah Fahim dan juga tempat tinggal seorang tokoh ulama yang terkenal. Tokoh ulama tersebut adalah Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim. Beliau menubuhkan Dairatul Maarif Watanian Kepala Batas (Nor Adina & Mohd Roslan 2012; Abd ur-Rahman 2012). Pusat Pentadbiran Daerah SPU asalnya terletak di Bandar Butterworth dan telah berpindah ke Pusat Pentadbiran Daerah di Bertam, Kepala Batas mulai 7 Oktober 1996.

Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) merupakan daerah yang terletak di tengah di dalam tanah besar Negeri Pulau Pinang Kawasan ini mempunyai

juga mempunyai kawasan perindustrian sebagai contoh di Mak Mandin dan Perai. Keluasan kawasan ini adalah 236.796 km persegi dan merupakan daerah ke-3 terbesar di Pulau Pinang. Daerah ini mempunyai empat buah bandar iaitu Bandar Bukit Mertajam, Bandar Perai, Bandar Perda, dan Bandar Seberang Jaya (Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah 2013). Pejabat Kerajaan Tempatan Seberang Perai terletak di bandar Perda. Kerajaan Tempatan ini adalah Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Pintu masuk utama ke sebelah pulau iaitu Jambatan Pulau Pinang terletak dalam daerah ini.

Lokasi Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) adalah suatu kawasan yang bersempadan dengan Daerah Seberang Perai Tengah pada bahagian utara, negeri Perak Darul Ridzuan di sebelah selatan dan negeri Kedah Darul Aman di sebelah timur. Laluan pintu kedua ke Pulau Pinang juga terletak di kawasan ini. Laluan tersebut adalah Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah. Daerah SPS juga terdapat tempat pendaratan nelayan iaitu sungai udang. Di sini aktiviti menjual hasil tangkapan laut segar boleh diperolehi. Selain itu terdapat sebuah stadium di Batu Kawan menjadi tempat tumpuan di SPS. Tempat ini menjadi tempat pilihan untuk penganjuran sesuatu festival atau karnival selain tempat perlawanan bola sepak bagi kelab atau negeri untuk peringkat liga perdana dan liga super. Contoh karnival yang pernah di anjurkan di sini adalah ‘Karnival Jom Heboh’. Namun begitu terdapat sebuah pulau kecil yang diletakkan di bawah daerah Seberang Perai Selatan.

4.0 METODOLOGI

Kaedah kuantitatif menjadi pilihan dalam kajian ini. Hasil kajian di bentang dalam data frekuensi dan peratusan dalam bentuk jadual. Manakala memproses data ini menggunakan perisian SPSS 14.0. Maka itu nilai min menjadi pengukur bagi tahap kemahiran dan daya saing. Malah pengukuran ini akan merujuk kepada Jadual 2 bagi melihat tahap mana variabel tersebut berada. Bukan itu sahaja, ujian korelasi Spearman juga turut digunakan bagi melihat sesuatu hubungan variabel. Hubungan yang dilihat adalah antara kemahiran, daya saing dengan perlaksanaan program dan juga pengetahuan. Maka itu penulis menggunakan garis yang disyorkan oleh Cohen (1988). Hal ini bagi memudahkan menunjukkan kekuatan hubungan yang wujud. Garis yang dimaksudkan adalah seperti berikut nilai $r < 0.3$ menunjukkan hubungan lemah. Manakala nilai $0.3 \leq r \leq 0.5$ menunjukkan hubungan sederhana. Bagi nilai r yang menunjukkan hubungan kuat adalah $r > 0.5 \rightarrow$ Hubungan yang kuat.

Jadual 2: Penilaian skala skor min

Min	Tahap / Interpretasi
1.00 hingga 2.00	tahap rendah
2.01 hingga 3.00	tahap sederhana rendah
3.01 hingga 4.00	tahap sederhana tinggi
4.01 hingga 5.00	tahap tinggi

Sumber: adaptasi dari Penilai Skor Min Norasmah Othaman (2002; 2015).

Lokasi kawasan kajian adalah kawasan Seberang Perai yang mengandungi tiga daerah iaitu Daerah Seberang Perai Utara, Tengah dan Selatan. Majoriti kawasan Seberang Perai adalah kawasan luar bandar. Jumlah peserta AZAM Tani bagi kawasan Seberang Perai adalah 118 orang bagi tahun 2011. Maka itu, tiada kaedah persampelan digunakan kerana bincian adalah paling sesuai dalam kajian ini. Sebanyak 54 sampel yang berjaya ditemui dalam kawasan kajian. Baki sampel yang tidak berjaya dikutip disebabkan meninggal dunia, berpindah tempat dan tidak mahu menjadi responden. Kesemua sampel ini berbangsa Melayu. Namun begitu sampel ini tidak termasuk dengan 10 sampel awal yang dikutip untuk digunakan dalam kajian rintisan. Kesemua responden ini juga mendaftar diri dalam sistem eKasih dan kesemua mereka dipilih dari sistem eKasih. Sistem eKasih merupakan sistem pangkalan data keluarga yang berada di paras kemiskinan negara. Data dan maklumat yang dimasukkan ke dalam eKasih adalah berasaskan kepada Banci Isi Rumah Miskin atau nama singkatan BIRM. Pendaftar bagi sistem eKasih adalah isi rumah yang memperoleh pendapatan kurang daripada RM1000 sebulan di kawasan luar bandar dan RM1500 di kawasan bandar (BRIM 2017; Pejabat Pembangunan Wilayah Persekutuan Negeri Perak 2017).

5.0 HASIL KAJIAN

Bahagian ini akan menunjukkan penemuan dalam kajian lapangan yang melibatkan 54 orang peserta AZAM Tani tahun 2011 di Seberang Perai sebagai responden. Jika dilihat kesemua responden adalah Melayu dan mereka beragama Islam. Hasil lapangan juga menunjukkan bahawa 94.4 peratus responden kajian adalah lelaki dan bakinya adalah perempuan. Kesemua responden mereka masih berkemampuan untuk bekerja.

Kesemua responden yang terlibat dalam AZAM Tani memang berasal dari orang berpendapatan rendah. Namun begitu hanya 11 peratus responden bukan penduduk tempatan. Selain itu penulis juga melihat bahawa majoriti

responden pernah bersekolah. Hanya seorang sahaja tidak bersekolah. Manakala hanya 15 peratus sahaja yang mengidap penyakit seperti kencing manis, darah tinggi dan sakit tua. Walau bagaimana pun ia tidak menghalang responden untuk bekerja mencari rezeki. Menurut responden mereka diberi peralatan projek atau produk untuk mengikut projek kerja yang dijalankan. Produk yang diterima oleh responden adalah ternakan atau benih tanaman. Selain itu mereka diberi kursus dan di pantau selama tiga tahun. Menurut responden pihak pelaksana memantau sekali atau dua kali sebulan.

Hasil lapangan juga penyelidik mendapati bahawa responden dipantau secara agresif oleh pihak pelaksana pada enam bulan pertama selepas mendapat bantuan. Malah responden ada memaklumkan bahawa bantuan akan ditarik sekiranya mereka tidak mengusahakan projek atau kerja yang mereka minta di bawah Program AZAM Tani. Menurut beberapa responden kursus yang diberi ketika menerima bantuan sahaja. Sekali itu sahaja, pihak pelaksana memberi kursus tersebut. Peserta kursus juga di campur sekali dalam kursus tanpa pengelasan mengikut pekerjaan yang bakal dilaksanakan. Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) tidak diajar tetapi hanya penerangan cara untuk pemasaran produk melalui ICT sahaja diberikan. Walaupun begitu, menurut mereka melalui kursus itu salah satu pengetahuan diajar kepada mereka adalah membuat buku log aktiviti kerja. Selain itu mereka mendengar pengalaman petani dan usahawan yang berjaya. Bagi slot ceramah agama berkaitan aspek pekerjaan, pihak pelaksana tidak menyediakan di dalam kursus itu. Hal ini telah disahkan oleh semua responden. Pihak pelaksana juga tidak memberi bantuan mikro kredit kepada peserta.

Aspek kemahiran yang dilihat oleh penulis adalah gabungan kemahiran fizikal dan kemahiran insaniah. Bagi aspek kemahiran insaniah penulis hanya melihat kepada sikap positif, berkomunikasi, kebertanggungjawaban dari segi disiplin masa dan kerja, keusahawanan dan teknologi. Selain itu penulis juga melihat aspek daya saing. Hal ini kerana seseorang yang berdaya saing boleh juga dilihat kepada ketekunannya bekerja. Selain itu, daya saing dibentuk bukan sahaja oleh perbezaan individu tetapi juga oleh konteks dan keadaan individu (Dumblekar 2010; dlm. Yeoh dan Yeoh 2015). Malah daya saing juga persaingan dalam kerja atau kehidupan apabila pencapaian matlamat individu menjadikannya sama ada mustahil atau kurang untuk orang lain mencapai matlamat mereka (Deutsch 1973; dlm. Dumblekar 2010). Ia juga adalah keinginan untuk menang dalam hubungan antara orang. Individu yang kompetitif mungkin dijangka berusaha lebih keras,

lebih awal atau lebih berkesan daripada yang lain (Kohn 1986; Dumblekar 2010). Maka dengan itu penulis melihat daya saing adalah kesanggupan dan keinginan seseorang dan individu tersebut mahu dan akan mencuba dalam memperoleh sesuatu dengan cara yang positif.

Jika dilihat kepada kemahiran dan daya saing di dalam Jadual 3, di dapatkan bahawa min kemahiran adalah 3.27 dan daya saing pula 3.46. Min ini menunjukkan bahawa tahap ia adalah sederhana tinggi. Hal ini menunjukkan tahap kemahiran dan daya saing responden setelah menyertai AZAM Tani. Maka dengan itu, responden boleh dikatakan memperoleh kemahiran dan sifat berdaya saing setelah menyertai AZAM Tani pada tahap sederhana tinggi. Namun begitu ia belum menunjukkan perkaitan dengan pelaksana AZAM Tani. Perkaitan ini dapat dilihat dalam jadual seterusnya.

Jadual 3: Min bagi pelaksanaan program, pengetahuan, kemahiran dan daya saing

Variabel	Min
Pelaksanaan Program	3.51
Pengetahuan	3.28
1. Sumber Pengetahuan	3.29
2. Adaptasi Pengetahuan	3.28
Kemahiran	3.27
1. Sumber Kemahiran	2.94
2. Adaptasi Kemahiran Fizikal	3.54
3. Adaptasi Kemahiran Insaniah	3.35
Daya Saing	3.46
1. Sumber dan Motif Daya Saing	4.05
2. Daya Saing Pemilikan Asset dan Perbelanjaan	2.87
3. Status Daya Saing	3.53

Petunjuk: 1.00 - 2.00 = tahap rendah, 2.01 - 3.00 = tahap sederhana rendah,
3.01 - 4.00 = tahap sederhana tinggi dan 4.01 - 5.00 = tahap tinggi

Menurut beberapa responden kemahiran fizikal yang mereka miliki adalah sebelum menyertai AZAM Tani. Namun begitu kerana tiada peralatan mereka tidak mampu melaksanakannya. Malah majoriti responden ini tidak mempunyai pekerjaan samping atau tambahan sebelum menyertai AZAM Tani. Jika dilihat pada Jadual 2, mengikut pada status berdaya saing, majoriti sanggup bekerja lebih masa selain melaksanakan kerja tambahan setelah menyertai AZAM Tani. Malah mereka juga sanggup bersaing dengan sihat dalam pekerjaan yang mereka lakukan. Majoriti responden juga menjaga mutu pekerjaan mereka. Namun begitu majoriti responden kurang berinovasi. Ini kerana mereka dilihat kurang berkemampuan mengeluarkan idea-idea baru.

Jika dilihat kepada Jadual 4, kemahiran dan daya saing tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pelaksanaan program. Manakala pelaksanaan program AZAM Tani mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan pengetahuan sahaja. Walau bagaimanapun kemahiran dan daya saing mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan pengetahuan (rujuk Jadual 5). Maka hasil analisis menunjukkan kemahiran dan daya saing tidak diperoleh secara langsung melalui pelaksanaan program ini. Namun begitu melalui memperoleh pengetahuan selepas serta AZAM Tani, responden mampu memperoleh kemahiran dan daya saing. Malah daya saing juga dapat diperoleh melalui kemahiran. Ini kerana kemahiran mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengetahuan. Maka itu boleh dikatakan bahawa responden memperoleh kemahiran dan daya saing secara tidak langsung dari perlaksanaan program AZAM Tani ini (rujuk rajah 1). Selain itu memperoleh kemahiran menambahkan keyakinan responden untuk berusaha. Bukan itu sahaja, pemilikan pengetahuan, kemahiran dan daya saing mampu membantu majoriti responden melaksanakan pekerjaan sampingan atau tambahan. Rujuk pada Jadual 6. Ini akan menambah pendapatan isi rumah dan seterusnya membantu responden keluar dari kemiskinan.

Penulis juga melihat kemahiran mempunyai hubungan yang kuat dengan daya saing. Jika dilihat secara umum, seseorang yang mempunyai kemahiran akan lebih yakin melaksanakan pekerjaannya. Jika dilihat teliti, pengetahuan juga boleh menjadi permulaan sesuatu kemahiran. Keputusan yang ditunjukkan dalam Jadual 3, memperlihatkan bahawa pengetahuan adalah penting dan ini dapat menjuruskan kepada peningkatan pendapatan tetap dan membantu mewujudkan pendapatan kedua melalui pekerjaan kedua. Di mana 57.4 peratus responden berpendapatan antara RM1001 hingga RM1500 dan 9.3 peratus responden berpendapatan antara RM1501 hingga RM2000. Rujuk Jadual 7.


Jadual 4: Hubungan pelaksanaan program dengan tiga variabel

	Pelaksanaan Program	Pengetahuan	Kemahiran	Daya Saing
Pelaksanaan Program	1.000 .54	0.496(**) 0.000 54	0.252 0.066 54	-0.057 0.681 54

Korelasi adalah signifikan pada aras * $p < 0.05$ atau ** $p < 0.01$, Nilai N = 54

Jadual 5: Keputusan ujian korelasi spearman bagi tiga variabel.

Nama Item	Kekuatan hubungan	Jenis hubungan	Signifikan pada aras	Nilai r
Pengetahuan dengan Kemahiran	Kuat	positif	0.01	0.612 (**)
Pengetahuan dengan Daya Saing	Sederhana	positif	0.01	0.409 (**)
Kemahiran dengan Daya Saing	Kuat	positif	0.01	0.728 (**)



Rajah 1: Hubungan tidak langsung Prorogram AZAM Tani dengan kemahiran dan daya saing

Jadual 6: Peratusan responden yang melaksanakan pekerjaan tambahan sebelum dan selepas menyertai AZAM Tani.

	Sebelum Sertai AZAM Tani frekuensi	Sertai AZAM Tani peratusan	Selepas Sertai AZAM Tani frekuensi	peratusan
Melaksanakan kerja tambahan	3	6	38	70
Tidak melaksanakan kerja tambahan	51	94	16	30
Jumlah	54	100	54	100

Jadual 7: Perbandingan keseluruhan tingkat pendapatan (tetap+tambahan) responden sebelum dan selepas sertai AZAM Tani

Ringgit Malaysia	Sebelum (%)	Selepas (%)
0 - 500	24 (44.4)	1 (1.9)
501 -750	22 (40.7)	5 (9.3)
751-1000	7 (13.0)	12 (22.2)
1001-1500	1 (1.9)	31 (57.4)
1501-2000	-	5 (9.3)
Jumlah Responden	54	54

Pendapatan ini adalah pendapatan keseluruhan termasuk pendapatan tetap dan pendapatan tambahan. Namun begitu penulis tidak menafikan bahawa pemberian bantuan peralatan dan produk juga sedikit sebanyak memudahkan sebahagian responden melaksanakan pekerjaan tambahan untuk memperolehi pendapatan kedua untuk isirumah mereka. Malah terdapat responden yang melibatkan ahli keluarga untuk menjayakan pekerjaan tambahan yang diusahakan oleh responden. Hal ini merupakan satu sokongan kepada responden yang mana akan menyumbangkan kepada peningkatan daya saing responden dalam meningkatkan prestasi kerja responden.

6.0 PERBINCANGAN

Pengetahuan dan kemahiran selalu dilihat sesuatu yang penting dalam seseorang individu untuk menjayakan pekerjaannya. Namun begitu daya saing juga adalah penting pada seseorang itu kerana untuk individu tersebut bertahan lebih lama dalam pekerjaannya. Hal ini seperti apa yang dikatakan oleh Hawa (2017) menyatakan bahawa komuniti pertanian perlu berpengetahuan untuk memastikan mereka terus kekal dalam bidang mereka laksanakan itu. Menurut beliau kajian yang pernah dijalankan menunjukkan kebanyakan komuniti pertanian tidak mampu bertahan lama kerana tidak mempunyai ilmu yang cukup dan menggunakan sistem yang betul. Selain itu, daya saing juga adalah penting pada seseorang individu. Nor (2016) menyatakan keinginan berjaya seharusnya seseorang itu mempunyai daya saing yang tinggi, kreatif dan inovatif serta mempunyai iltizam yang tinggi dalam menghasilkan barang atau perkhidmatan yang memenuhi kehendak pelanggan dan pasaran dan konsep persaingan bukannya memusuhi lawan dengan melakukan sesuatu yang tidak sihat, malah lebih kepada proses penambahbaikan dan memajukan diri.

Gabungan pengetahuan, kemahiran dan daya saing responden dengan pelaksanaan AZAM Tani dilihat mampu meningkatkan tingkat pendapatan responden selepas menyertai AZAM Tani. Maka penulis melihat juga pengetahuan adalah penyumbang kepada kemahiran dan daya saing. Namun begitu pengertian pengetahuan ini adalah meluas. Pelaksanaan program AZAM Tani dengan pemberian kursus dan pemantauan oleh pegawai AZAM Tani membantu menambahkan pengetahuan responden. In secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan kemahiran dan daya saing.

Penulis mendapati ada responden yang melalui gabungan proses yang berlainan dalam memperoleh tahap kemahiran mereka setelah serta AZAM Tani. Dalam pada itu, penulis melihat kursus memudahkan responden melaksanakan kerja dengan menggunakan kemahiran insaniah selain menggunakan kemahiran fizikal (teknikal). Hal ini timbul apabila responden memaklumkan bahawa mereka diajar keusahawanan. Keusahawanan merupakan salah satu kemahiran insaniah.

Malah responden juga kurang menyedari bahawa mengetahui pengurusan masa penting. Malah pengurusan kewangan, bagaimana mana menguruskan projek mereka dan apa yang perlu dilakukan ketika menghadapi masalah adalah penyumbang kepada pembentukan kemahiran insaniah. Oleh itu, apa sahaja bentuk kemahiran yang disampaikan dalam kursus tidak semestinya pengetahuan sahaja. Namun begitu melalui pengetahuan, transformasi boleh berlaku bertukar menjadi kemahiran.

Jika dilihat apa itu kemahiran teknikal atau fizikal, ia melibatkan kepakaran teknikal dan pengetahuan yang diperlukan dalam pekerjaan (Robles 2012). Kemahiran jenis ini berkaitan dengan kebolehan teknikal tertentu atau pengetahuan tentang fakta benar yang diperlukan untuk melakukan pekerjaan. Kemahiran ini juga dapat disebut sebagai "apa yang anda tahu" (Hunt 2007). Maka pemilikan sesuatu kemahiran membuktikan bahawa responden memperoleh dari kursus dan usaha. Bukan itu jika lihat dari latar belakang mereka juga, majoriti mereka pernah bersekolah dan mereka sihat. Kemahiran insaniah pula ialah kualiti di dalam diri (interpersonal). Ia juga dikenali sebagai kemahiran individu (*people skills*) serta sifat-sifat keperibadian yang dimiliki individu tersebut (Robles 2012).

Jika kita lihat perspektif pada sesuatu organisasi, pengetahuan adalah sumber organisasi yang memberikan kelebihan daya saing berlaku dengan mampan dalam ekonomi yang berdaya saing dan dinamik. (Davenport & Prusak 1998; Foss dan Pedersen 2002; Grant 1996; Spender & Grant 1996; dlm Sheng & Noe 2010). Maka pengetahuan ini merupakan sesuatu yang penting dan kembali kontek individu, pengetahuan amatlah diperlukan oleh individu tersebut. Selain itu, usaha juga menjadikan seseorang itu lebih berdaya saing (Yahaya & Norsiah, 2006).

Oleh itu tidak boleh dijadikan alasan untuk seseorang yang berada dalam kemiskinan untuk tidak berusaha, tambahan pula setelah mendapat bantuan dari pihak kerajaan. Malah aspek Islam juga menggalakkan umat Islam

berusaha. Ini dapat dilihat melalui terjemahan Firman Allah swt di dalam surah ke 28 iaitu Al Qashash (cerita-cerita) ayat ke 73, yang bermaksud;

“Dan karena rahmat Nya, Dia jadikan untuk mu malam dan siang, supaya kamu beristirahat pada malam itu dan supaya kamu mencari sebahagian dari kurniaan Nya (pada siang hari) dan agar kamu bersyukur kepada Nya”. (Surah Al Qashash ayat 73)

Maka dengan itu individu miskin perlulah berusaha memastikan kerja mereka berjaya sama ada meningkatkan daya saing dan menambah pengetahuan dan kemahiran. Sifat diri sendiri unutk berubah adalah perlu. Firman Allah swt di dalam surah ke 13 iaitu Ar Ra'd (guruuh) ayat ke 11. Di mana Allah swt memberitahu bahawa;

“Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri”.

Setiap manusia sama ada individu mahupun berkumpulan hingga organisasi ataupun peringkat negara perlu ada daya saing. Hal ini bagi memastikan keinginan dan matlamat dapat dicapai. Malah mengekalkan perjalanan sesuatu keadaan mengikut aspek tertentu dalam tempoh yang lama. Maka kemajuan seseorang individu itu juga boleh bergantung pada sejauh mana individu tersebut berdaya saing dalam pekerjaannya. Daya saing juga merupakan salah satu yang boleh membantu manusia dalam menjayakan diri dan memastikan produk yang dihasilkannya mampu bertahan di dalam pasaran. Oleh itu bagi seseorang yang ingin mencapai tahap daya saing mesti ada proses yang dilalui.

Daya saing boleh menunjukkan sesuatu standard kehidupan (Porter dan Ketels 2003), namun begitu kehidupan individu komuniti miskin adalah lebih kepada melepas keperluan hidup dan meningkatkan tahap pendapatan yang lebih baik. Maka dengan itu individu komuniti miskin perlu lebih berdaya saing bagi memastikan matlamat tercapai melalui memperkasakan proses yang dilalui. Lain dari pada itu menambah proses yang mampu menyubang pada tahap daya saing. Penekanan keperluan daya saing dalam diri kepada peserta AZAM Tani boleh membantu mencungkil semangat seseorang itu untuk melangkah ke arah keluar dari kemiskinan. Malah hasil proses yang telah ditunjukkan juga menunjukkan bahawa responden perlu ada melalui proses ini sama ada satu atau lebih dalam sesuatu masa.

Penulis ingin mencadangkan agar pihak kerajaan dan pelaksana menambah kursus. Selain itu memberi kursus kemahiran tertentu yang boleh menjadi cabang kepada pekerjaan tambahan. Pengelasan mengikut projek peserta juga adalah perlu dalam sesuatu kursus. Hal ini bagi memudahkan peserta memahami sesuatu perkara yang disampaikan. Pengajaran penggunaan ICT juga adalah perlu. Hal ini juga membantu responden untuk memanfaatkan ruang alam maya (dunia tanpa sempadan) yang wujud untuk mempromosi produk mereka. Namun begitu pihak kerajaan juga perlu memasukkan modul pemberian ceramah daripada ahli ilmuwan agama. Hal ini perlu bagi menerangkan keperluan peningkatan pendapatan dalam konteks Islam. Kursus yang telah diberikan mengandungi modul berkaitan pengurusan kerja dan yang berkaitan kerja. Namun ia juga menyelitkan inti pati dari aspek agama. Ini kerana penerapan dakwah dari agama adalah perlu. Ini juga boleh menyumbang peningkatan lagi tahap daya saing.

Kursus yang diberikan juga perlu diterapkan ceramah daripada ilmuwan agama. Ini mungkin membantu meningkatkan daya saing. Malah kesabaran juga adalah sebahagian dari aspek daya saing. Jika dilihat pada aspek Islam, sesuatu yang dilaksanakan perlu ada kesabaran. Ini dapat dilihat di dalam firman Allah SWT dalam surah Al Baqarah ayat 153 yang bermaksud;

“Hai orang-orang yang beriman, jadikanlah sabar dan shalat sebagai penolong mu, sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang sabar.”

Maka dapat dilihat elemen kesabaran perlu ada pada setiap orang Muslim. Begitu juga pada peserta program ini perlu ada kesabaran mengusahakan sesuatu pekerjaan. Terus berusaha dengan pengetahuan yang telah dibekalkan oleh pihak pelaksana serta berusaha menambah pengetahuan setiap masa perlu ada. Kemahiran juga perlu dipertingkatkan. Daya saing perlu terus meningkat bagi menghasilkan pekerjaan yang baik.

Pemberian peralatan atau produk untuk mulakan pekerjaan adalah perlu diteruskan tetapi perlu ditambah. Minten dan Barrett (2008) menyatakan bahawa sokongan dan penggunaan teknologi penting dalam pertanian bagi mengurang kemiskinan. Malah Alain dan Elisabeth (2002; Rajeev & Gurpreet 2015) juga pernah menyatakan bahawa teknologi pertanian memberi impak atau kesan dalam mengurangkan terhadap kemiskinan secara langsung dan tidak langsung. Begitu juga dengan pemantauan yang kerap dilakukan perlu diteruskan kerana ia memperlihatkan peserta akan bekerja lebih kuat.

Hal ini juga membantu peserta untuk mendapat maklumat, mengadu masalah dan mengetahui cara melaksanakan kerja dengan lebih baik. Dari aspek implikasi kajian ini, dapat dilihat ia sangat berfaedah kepada kerajaan. Di mana pihak kerajaan dapat memberi tumpuan untuk penambahbaikan program AZAM Tani dalam membantu membina tahap kemahiran dan daya saing pesertanya. Agar ahli isirumah komuniti miskin dapat dikurangkan. Malah ia juga menunjukkan keperluan mempunyai daya saing dan kemahiran dalam diri seseorang. Hal ini juga akan dapat membantu seseorang itu membina kehidupan lebih baik.

7.0. KESIMPULAN

Pembasmian kemiskinan dilihat ketika ini adalah lebih meluas melalui peningkatan pendapatan. Bagi meningkatkan pendapatan pelbagai usaha yang dilakukan oleh kerajaan. Program AZAM Tani yang merupakan sebahagian dari projek 1 AZAM dilihat mampu membantu komuniti miskin keluar dari garis kemiskinan. Hal ini kerana terdapat pembaharuan dibuat selain memberi peralatan atau produk. Pembaharuan itu kekerapan pemantauan dan pemberi kursus kepada pesertanya.

Penulis melihat kemahiran dan daya saing peserta AZAM Tani meningkat melalui pengetahuan yang diperoleh selepas menyertai program AZAM Tani. Maka pelaksanaan program ini membantu secara tidak langsung peningkatan kemahiran dan daya saing. Jika tiada program AZAM Tani, responden akan berada di tahap lama dan tidak mampu meningkatkan pendapatan. Hal ini dapat dilihat pada ujian korelasi spearman yang mana menunjukkan hubungan yang signifikan di antara pelaksanaan program dengan pengetahuan, pengetahuan dengan daya saing dan kemahiran serta kemahiran dengan daya saing.

Oleh itu dapat dilihat dalam hasil analisis menunjukkan bahawa Program AZAM Tani yang dilaksanakan membantu meningkatkan kemahiran dan daya saing pesertanya melalui meningkatkan pengetahuan. Hal ini kerana pengetahuan menyumbang kepada peningkatan kemahiran dan peningkatan kemahiran juga menyumbang kepada peningkatan daya saing. Penambahan pengetahuan adalah penting untuk memberi peserta lebih yakin dan mampu bertahan dalam pekerjaannya. Paling utama setiap program yang dilaksanakan perlu ada kursus tertentu, kemahiran dan penambahbaikan dari aspek model kursus.

Hal ini bagi memastikan program tersebut akan lebih baik dan mantap dalam membantu mengurangkan komuniti Melayu miskin di sesuatu kawasan.

8.0 RUJUKAN

- Abatena, H .(1995). The Significance of Community Self-Help Activities in Promoting Social Development. *Journal of Social Development in Africa* 10(1): 5-24.
- Abdul Rasid Abdul Razzaq, Mohd Yusop Hadi, Mohamad Zaid Mustafa, Amran Hamzah, Zainab Khalifah dan Nor Haniza Mohamad. (2011). Local Community Participation in Homestay Program Development in Malaysia. *Journal of Modern Accounting and Auditing*; 7(12):1418-1429.
- Abu Kasim Ali & Ahmad Ezanee Mansor. (2006). *Social Capital dan Rural Community Development in Malaysia*. Shigeki Yokoyama & Takeshi Sakurai (pnyt.). Potential of Social Capital for Community Development. Tokyo: Asian Productivity Organization.
- Adekoya, O.D. (2018). Impact of Human Capital Development on Poverty Alleviation in Nigeria. *International Journal of Economics & Management Sciences*; 7(4):1-8.
- Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa dan Siti Aishah Suhaimi. (2012). Islam dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu (Islam and the Formation of Malay Ethnic Identity). *Jurnal Hadhari Special Edition* [e-journal]: 143-154. http://jurnalarticle.ukm.my/6103/1/JD005862_143-154.pdf. Retrieved on: 7 April, 2016.
- Akpomuvie & Benedict, O. (2010). Self-Help as a Strategy for Rural Development in Nigeria: A Bottom-Up Approach. *Journal of Alternative Perspectives in the Social Sciences*; 2(1): 88-11.
- Alain de Janvry & Elisabeth Sadoulet. (2002). World poverty and the role of agricultural technology: Direct and indirect effects. *Journal of Development Studies*; 38(4):1-26.
- Al-Quran dan terjemahan*
- Arif Kamisan Pusiran dan Honggen Xiao. (2013). Challenges and Community Development: A Case Study of Homestay in Malaysia. *Asian Social Science*; 9(5): 1-17. <http://www.ccsenet.org/journal/index.php/ass/article/viewFile/26959/16448>. Retrieved on: 7 April, 2016.
- Bradshaw, T.K. (2005). Theories of Poverty and Anti-Poverty Programs in Community Development. Rural Poverty Research Centre Working Paper No. 06-05. <http://www.rupri.org/Forms/WP06-05.pdf>. Retrieved on: 24 December, 2012.

- BRIM. eKasih. <http://www.br1m.info/ekasih/>. Retrieved on: 20 September, 2017.
- Chamhuri Siwar. (2003). 'Pembasmian Kemiskinan Bandar dan Krisis Kewangan: Isu, Maslah Prospek dan Cabaran' dlm. Nor Aini Haji Idris & Chamhuri Siwar (pnyt.), *Kemiskinan Bandar dan Sektor Tidak Formal di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chamhuri Siwar. (2009). Pembasmian Kemiskinan dan Ketidaksetaraan Agihan Pendapatan. In: Nor Aini Idris and Ishak Yussof (Eds.). *Ekonomi Malaysia ke arah Pembangunan Seimbang*. Bangi: Penerbit UKM.
- Dani Salleh. (2004). *Pengenalan*. Dlm. Dani Salleh (pnyt.). Pembangunan Komuniti: Dasar, Konsep, Strategi Dan Isu Di Malaysia, hlm. ix. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Davenport, T. H., & Prusak, L. (1998). *Working knowledge: How organizations manage what they know*. Boston, MA: Harvard Business School Press. http://www.kushima.org/is/wp-content/uploads/2013/09/Davenport_know.pdf. Retrieved on: 25 September, 2017.
- De Janvry, A. (1981). *The agrarian question and reformism in Latin America*. Baltimore: John Hopkins University Press.
- Deutsch, M. (1973). *The resolution of conflict: Constructive and destructive processes*. New Haven: New Haven Yale University Press.
- Dumblekar, V. (2010). Interpersonal competitiveness - a study of simulation game participants' behaviour. *Journal of Institute of Management Technology*; 14 (2):13-19.
- Dumblekar, V. 2010. Interpersonal Competitiveness - A Study Of Simulation Game Participants' Behaviour. Presented at 40th annual conference of International Simulation and Gaming Association, Singapore held from 29 June – 3 July 2009. <https://www.researchgate.net/publication/284752067>. Retrieved on: 15 Ogos 2017.
- Foss, N. J., & Pedersen, T. (2002). Transferring knowledge in MNCs: The role of sources of subsidiary knowledge and organizational context. *Journal of International Management*; 8(1): 49–67.
- Grant, R. M. (1996). Toward A Knowledge-Based Theory Of The Firm. *Strategic Management Journal*; 17: 109–122.
- Hairi Abdullah. (1984). 'Ayam di Kepuk Mati Kelaparan, Itik di Air Mati Kehausan' dlm. Hairi Abdullah (Ed.), *Kemiskinan Dan Kehidupan Golongan Berpendapatan Rendah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Hawa Jaafar.. Komuniti Tani Perlu Ada Pengetahuan Untuk Berjaya. Keratan akhbar Kosmo. <http://psasir.upm.edu.my/52415/1/Komuniti%20tani%20perlu%20ada%20pengetahuan%20untuk%20berjaya%20-%20Kosmo%21%2C%2015%20Februari%202017.pdf>. Retrieved on: 15 February, 2017.
- Hawe, P., King, L., Noort, M., Gifford, S. & Lloyd, B. (1998). Working invisibly: health workers talk about capacity building in health promotion. *Health Promotion International*; 13: 285–295.
- Henry Ngun Ceu Thang and Amir Husin Baharuddin, (2011). Poverty reduction: A continuous social responsibility in Malaysia. *International Journal of Rural Studies*; 18(2): 1-4.
- Ibrahim Mamat, Aslina Nasir dan Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang. (2016). Projek Keusahawanan Sosial Dapat Memenuhi Keperluan Penduduk Miskin dan Miskin Tegar. *International Journal of Business and Technopreneurship*; 6(10):147-165.
- Ishak Shaari. 1990. *Ekonomi Nelayan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Perumahan Negara Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Laporan Perangkaan Suku Tahun Pertama 2014. <http://ehome.kpkt.gov.my/resources/index/fileupload/Laporan%20Perangkaan%20JPN%20Q1201427af.pdf>> Retrieved on: 17 September, 2017.
- Jomo K.S. (1991). *Fishing for Trouble: Malaysian Fisheries, Sustainable Development and Inequality*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Katty Hsiao Jia Wong, Ti Ching Yan & & Janice Lay Hui Nga. 2011. Kemiskinan Dan Pendidikan: Kesan Dan Cabaran Di Kalangan Belia Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*: 55-76.
- Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dasar Pembasmian Kemiskinan: Bantuan Kewangan. <https://www.penang.gov.my/dasar/2519-dasar-pembasmian-kemiskinan> Retrieved on: 20 September, 2017.
- Kohn, A. (1986). *No contest: The case against competition*. Boston: Houghton Mifflin.
- Kumaran Rajandran, (2013). Metaphors for Malaysia's economic transformation programme. *Kajian Malaysia*; 31(2):19–35.
- Laderchi, C.R, Saith, R & Stewart, F. (2003). Does it Matter that we do not Agree on the Definition of Poverty? A Comparison of Four Approaches. *Oxford Development Studies*; 31 (3): 243-274.

- Mansor Jusoh. (1986). *Ketidaksamaan Ekonomi Dan Masalah Kemiskinan: Konsep Dan Pendekatan Islam*. Bangi: Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mashitah Sulaiman. (2013). Islam Dan Transformasi Sosial Masyarakat Melayu Malaysia: Suatu Kajian Eksploratori. Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013. 4-5 June 2013, Penang, Malaysia. <https://worldconferences.net/proceedings/icssr2013/toc/208%20-%20MASHITAH%20-%20ISLAM%20DAN%20TRANSFORMASI%20SOSIAL%20MASYARAKAT%20MELAYU%20MALAYSIA%20SUATU%20KAJIAN%20EKSPLORATORI.pdf> Retrieved on: 7 Julai 2017.
- McLoyd, V. C. (1990). The impact of economic hardship on black families and children: Psychological distress, parenting, and socio emotional development. *Child Development*; 61(2): 190-198.
- Minter, B. & Barrett. C.B. (2008). Agricultural Technology, Productivity, and Poverty in Madagascar. *Elsevier*; 36(5): 797-822.
- Mohammad Raduan Mohd Ariff, Mazlan Majid dan Yeap Hock Lai. (2009). Penilaian Semula Program Pembasmian Kemiskinan Nelayan Tradisional Di Sabah: Kajian Kes Di Daerah Kota Belud. *Borneo Research Journal*; 3: 93-114.
- Mohammad Shatar Sabran. 2003. Model Pembangunan Komuniti. *Pertanika Journal Social Science & Humanities* 11(2): 135-145.
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin. (2012). Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan Di Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun*; 7(1): 75-89.
- Muhammad A. Shahbudin. (1997). *Peringatan Dan Perkhabaran Untuk Si Miskin Dan Si Kaya*. Johor Bahru : Perniagaan Jahabersa.
- Nasseri Taib. (1993). Islam dan Pembasmian Kemiskinan. *Jurnal Kemanusiaan*; 3: 1-20.
- Nor Azira Ayob, Sity Daud dan Muhamad Takiyuddin Ismail. (2016). Modal insan, daya saing dan prestasi usahawan wanita di Malaysia: Analisis kualitatif usahawan wanita bumiputera di Melaka. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*; 12 (10): 56-67.
- Nor Diana Mohd Idris and Chamhuri Siwar. (2015). From poverty reduction to poverty relief: Impact of non-farm income in Integrated Agriculture Development Area (IADA) Samarahan, Sarawak, Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*; 11 (1): 32-41.

- Nor Fairani Ahmad, Mariani Mansor & Laily Paim. (2016). Income Poverty and Well-Being among Vulnerable Households: A Study in Malaysia. *Asian Social Science*; 12(2). 195-204.
- Norasmah Othman, Khairul Khairiyah Khasbullah & Hariyaty Ab Wahid. (2015). Tahap Daya Saing Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Semenanjung Malaysia (The Competitiveness Level of Higher Education Institution Students in Peninsular Malaysia). *Jurnal Pendidikan Malaysia*; 40(2): 139-149.
- Norasmah Othman. (2002). Keberkesanan Program Usahawan Muda di sekolah menengah. Ph.D Thesis, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor D.E.
- Normaliza Abdul Manaf and Kamarulazizi Ibrahim. (2017). Poverty Reduction for Sustainable Development: Malaysia's Evidence-Based Solutions. *Global Journal of Social Sciences Studies*; 3(1): 29-42.
- Norzita Jamil dan Siti Hadijah Che Mat. (2014). Realiti Kemiskinan: Satu Kajian Teoritikal (The Reality of Poverty: A Theoretical Study). *Jurnal Ekonomi Malaysia*; 48(1): 167-177.
- Nurizan Yahaya. (1998). *Kemiskinan dan perumahan di bandar: peranan pemerintah dan penyelesaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Perak. Faq Permohonan Bantuan E-Kasih. <http://www.prk.icu.gov.my/v3/index.php/layout1/252>. Retrieved on: 20 September 2017.
- R. Dimas Dwinovanto Putraaand & Bambang Ruditob. (2015). Planning Community Development Program of Limbang Traditional Market Revitalization with Social Mapping. *Elsevier: Social and Behavioral Sciences*; 169: 143-150.
- Rabiul Islam, Ahmad Bashawir Abdul Ghani, Irwanshah Zainal Abidin & Jeya Malar Rayaiappan. (2017). Impact on poverty and income inequality in Malaysia's economic growth. *Problems and Perspectives in Management*; 15(1): 55-62.
- Radieah Mohd Nor. (2013). Perbandingan tentang konsep kemiskinan pendekatan konvensional dan Islam. *Jurnal Kemanusiaan*; 11(1): 1-20.
- Rajeev Sharma dan Gurpreet Singh. (2015). Access to Modern Agricultural Technologies and Farmer Household Welfare: Evidence from India. *Sage Journal: Millennial Asia*; 6(1): 19-43.

- Robila, M., & Krishnakumar, A. (2006). Economic pressure and children's psychological functioning. *Journal of Child and Families Studies*; 15 (4): 435-443.
- Robles, M.M. (2012). Executive Perceptions of the Top 10 Soft Skills Needed in Today's Workplace. *Sage Journal*; 75(4): 453–465.
- Robson, S & Spence, J. (2011). The erosion of feminist self and identity in community development theory and practice. *Community Development Journal*; 46(3): 288–301.
- Roslan A.H. (t.th). Income Inequality, Poverty and Development Policy in Malaysia. https://www.researchgate.net/publication/252953691_Income_Inequality_Poverty_and_Development_Policy_in_Malaysia. retrieved on: 6 May, 2019.
- Sharina Abdul Halim. (2010). Kelestarian kehidupan dalam arus pembangunan pelancongan kajian penyertaan komuniti tempatan di Pulau Langkawi. Ph.D Thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor D.E.
- Sheng Wang and Noe. R.A (2010). Knowledge sharing: A review and directions for future research. *Elsevier: Human Resource Management Review*; 20: 115–13.
- Siti¹ Hadijah Che Mat, Roslan A. Hakim dan Siti Norliza Jumali. (2012). Indeks kemiskinan pelbagai dimensi sebagai alternatif pengukuran kemiskinan (multi-dimensional poverty index as an alternative poverty measurement). Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII) Transformasi Ekonomi dan Sosial Ke Arah Negara Maju Ipoh, Perak, 4 – 6 Jun 2012. pp.181 – 191. http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVII/PKEM2012_1D1.pdf. Retrieved on: 7 Ogos, 2017.
- Siti² Hadijah Che-Mat, Nor'Aznin Abu Bakar and Ahmad Zafarullah Abdul Jalil. (2012). Pendapatan Bukan Pertanian Dan Sumbangannya Dalam Memendekkan Tempoh Masa Keluar Daripada Kepompong Kemiskinan (Non-Farm Income And Its Contribution To The Time Taken To Escape From The Clutches Of Poverty). *Kajian Malaysia*; 30(2): 121-141.
- Spender, J. -C., & Grant, R. M. (1996). Knowledge and the firm: Overview. *Strategic Management Journal*; 17: 5–9.
- Syuhada Abd. Halim, Doris Padmini Selvaratnam & Norlaila Abu Bakar. (2013). Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia VIII. Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju. 3. 1340-1351. Johor Baharu. 7- 9 Jun. http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVIII/PKEM2013_5B3.pdf. Retrieved on: 15 September, 2014.

- Townsend, P. (1979). *Poverty in the United Kingdom - A Survey of household resources and standards of living*. England: Penguin Books.
- Ungku Abdul Aziz. (1964). *Poverty and rural development in Malaysia*. Kajian Ekonomi Malaysia.
- Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri Malaysia. Perangkaan pendapatan dan kemiskinan isi rumah sepantas lalu. <http://epu.gov.my/sites/default/files/Perangkaan%20Pendapatan%20%26%20Kemiskinan%20Isi%20Rumah%20Sepantas%20Lalu%2C%202012%20%26%202014.pdf> Retrieved on: 20 September, 2017.
- Wijaya Kamal Ramlan, Noorashiah Sulaiman & Liew Chei Siang. (2011). Pertumbuhan Ekonomi dan Pengurangan Kemiskinan di Malaysia: Satu Pendekatan Dinamik. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI), Ekonomi Berpendapatan Tinggi: Transformasi ke Arah Peningkatan Inovasi, Produktiviti dan Kualiti Hidup, JILID 1, 482 – 491, 5 – 7 Jun 2011. Melaka Bandaraya Bersejarah. <http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVI/PERKEM2011-1-3B4.pdf>. retrieved on: 6 May, 2019.
- Xavier, M.J and Ramachander, S. (2000). Pursuit beyond competitiveness and competitive advantage. *Journal Sage: Perspectives*; 25(2): 3-10.
- Yahaya Ibrahim dan Norsiah Ahmad. (2006). Keusahawanan dan daya saing usahawan Melayu di sektor pelancongan. *Jurnal Pengajian Melayu*; 17: 16-33.
- Yeoh, J.P.S. and Yeoh, P.A. (2015). Competitiveness between Ethnic Malays and Ethnic Chinese in Malaysia. *Journal of Psychology*; 2(1): 16-21.
- Zarinah Arshat & Rozumah Baharudin. (2011). Perkaitan antara faktor sosioekonomi dan kualiti tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko. *Jurnal Kemanusiaan*; 17: 57-65.

